



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	8/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	-			

# PKR bincang isu Aminuddin, nyah warta hutan simpan

**Kuala Lumpur:** Isu dalam PKR Negeri Sembilan membabitkan kedudukan Menteri Besar serta nyah warta Hutan Simpan Kuala Langat Utara antara hal berbangkit yang dijangka menjadi tumpuan mesyuarat Biro Politik PKR hari ini.

Ketua Penerangan PKR, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin, berkata Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, dijangka menghadiri mesyuarat berkenaan.

"Ini mesyuarat Biro Politik PKR yang biasa kita adakan setiap minggu. Biasanya, Menteri Besar dan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang pun akan hadir. Mereka juga ahli mesyuarat Biro Politik PKR.

"Sudah pasti isu berkenaan mungkin akan dibangkitkan dan kita bincang bagaimana untuk selesaikan. Kita akan bincangkan dalam mesyuarat esok" katanya ketika dihubungi semalam.

Selain isu terbabit, Shamsul Iskandar menjelaskan, hal-hal berkaitan persidangan Parlimen yang bermula minggu depan akan turut dibincangkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu.

Isu dalam PKR Negeri Sembilan timbul selepas sejumlah kepimpinan akar umbi parti itu negeri itu mengeluarkan kenyataan menyatakan hilang keyakinan kepada Aminuddin sebagai pengerusi negeri, dengan mendakwa Menteri Besar terbabit ga-

gal menyusun strategi mengukuhkan Pakatan Harapan (PH) untuk kekal menjadi kerajaan negeri.

Bagaimanapun semalam, Timbalan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) negeri, Datuk M Ravi menafikan PKR Negeri Sembilan bergolak, sebaliknya desakan segelintir pemimpinnya yang mahu Aminuddin ditukar hanya membabitkan masalah dalam parti.

Sementara itu, bagi isu nyah warta tanah, Anwar dalam kenyataan kelmarin, menzahirkan keyakinan bahawa kerajaan Selangor akan mengambil tindakan wajar selaras dasar parti itu dalam isu berkaitan penyahwaratan Hutan Simpan Kuala Langat Utara.

Sebelum ini juga, dua portal

**“Sudah pasti isu berkenaan mungkin akan dibangkitkan dan kita bincang bagaimana untuk selesaikan. Kita akan bincangkan dalam mesyuarat esok”**

**Shamsul Iskandar Mohd Akin,**  
Ketua Penerangan  
PKR



berita melaporkan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) didakwa menceroboh dan membuka sebahagian kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Sungai Panjang di Sabak Bernam dan semalam, perbadanan berkenaan dalam kenyataannya memaklumkan hasratnya untuk mengambil tindakan undang-undang, termasuk tuntutan saman fitnah terhadap pihak yang terbabit dalam laporan berkenaan.

Menurut PKPS, isu nyah warta HSKLU tiada kaitan langsung dengan perbadanan berkenaan, sekali gus menafikan sekeras-kerasnya tuduhan berkenaan selain menyifatkannya ia sebagai kenyataan berniat jahat dan subversif bagi merosakkan imejnya.

**BH, 8 Sept  
2021\_14**